



22 FEB, 2021

## Masalah pekebun nanas selesai

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

# Masalah pekebun nanas selesai

**PONTIAN** – Peserta tanaman berkelompok nanas moris Ayer Baloi menarik nafas lega kerana isu lambakan buah nanas yang tidak dapat dijual telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pengerusinya, Ariffin Ali, 48, berkata, FAMA telah membeli sebanyak 8,000 biji pada minggu lalu dan diikuti 5,000 biji lagi bagi membantu pekebun yang terjejas dengan kekurangan pembeli.

Katanya, seramai lapan pekebun menyertai program tanaman berkelompok di atas tanah seluas 4 hektar yang melibatkan pengeluaran sebanyak 120,000 biji pada bulan Januari lalu hingga Jun ini.

“Memang silap kami sebab gagal buat laporan isu lambakan buah nanas kepada pihak-pihak berkenaan termasuk FAMA pada tuaian bulan Januari lalu menyebabkan peserta kerugian RM80,000.

“Kami bersyukur dan berterima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami pekebun kecil nanas bagi membolehkan buah-buah nanas moris dijual melalui pelbagai kaedah,” katanya ketika ditemui di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi di sini, semalam.

Tambah Ariffin, memandangkan kesediaan pelbagai pihak termasuk FAMA dan pertubu-



**ARIFFIN (tiga dari kanan) dan Yaakod (tengah) bersama buah-buah nanas yang akan dibawa ke Negeri Sembilan di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi, Pontian semalam.**

han bukan kerajaan membantu pekebun kecil, harga jualan bagi sebiji buah nanas purata RM1.

“Sebelum ini kami menjual mengikut gred, dengan gred A mampu mendapat harga RM1.45 sen sebiji tetapi disebabkan keadaan semasa ketika ini, yang penting nanas dapat dijual dan petani tidak terus menanggung kerugian,” ujarnya.

Sementara itu, Senator Dewan Negara Dr. Yaakob Sa-

pari turut membeli 10,000 biji buah nanas keluaran ladang berkelompok setelah dimaklumkan mengenai lambakan buah tersebut di akhbar dan media sosial.

“Kami membeli sebanyak 10,000 biji nanas moris yang akan diagihkan secara percuma di kawasan berkenaan dan bersedia untuk membelinya selepas ini jika ada permintaan lagi,” ujarnya.



22 FEB, 2021

## Masalah pekebun nanas selesai

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PONTIAN - Peserta tanaman berkelompok nanas moris Ayer Baloi menarik nafas lega kerana isu lambakan buah nanas yang tidak dapat dijual telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Pengurusnya, Ariffin Ali, 48, berkata, FAMA telah membeli sebanyak 8,000 biji pada minggu lalu dan diikuti 5,000 biji lagi bagi membantu pekebun yang terjejas dengan kekurangan pembeli.